

Bot mewah: PM tidak ambil tindakan terhadap *Hurriyet* ^{UM -} 26/4/2007

KUALA LUMPUR 25 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau tidak mengambil tindakan terhadap akhbar *Hurriyet* dari Turki yang menyiarkan berita palsu bahawa beliau menempah sebuah bot mewah di negara itu.

Menurut Perdana Menteri, penafian mengenai perkara itu sudah dibuat oleh syarikat pengeluar kapal layar berkenaan, Kobra Yatclik Turizm ve Turizm Limited Company, dan disiarkan akhbar yang sama.

"Adalah lebih baik sekiranya tenaga, masa dan sumber dilaburkan untuk perkara yang lebih produktif seperti pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) daripada memanjangkan lagi berita palsu seperti pembelian kapal layar itu," katanya dalam jawapan bertulis bagi menjawab soalan **Dr. Mohamed Hayati Othman (Pas-Pendang)** di Dewan Rakyat hari ini.

Dr. Mohamed Hayati meminta Perdana Menteri menyatakan bentuk tindakan kerajaan terhadap fitnah akhbar itu yang menyatakan Abdullah menempah bot mewah di Turki.

Perdana Menteri berkata, walaupun tiada tindakan dalam kes itu, beliau tetap mendapatkan nasihat guaman dan akan mengambil tindakan yang sesuai terhadap mana-mana berita palsu yang disebarkan untuk menjatuhkan nama baiknya atau kerajaan Malaysia.